

11 OCT 2001

LIMA-Amfibia

SYARIKAT TEMPATAN AKAN BINA DAN PASARKAN PESAWAT AMFIBIA

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) -- Syarikat milik-penuh Bumiputera, Flying Power Aircraft Manufacturing Sdn Bhd, akan mendirikan kilang untuk membina pesawat amfibia bagi pasaran di Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara.

Naib presidennya (Kewangan) Azlan Zahari Mohd Zahid berkata, syarikat itu telah membelanjakan RM41.8 juta untuk membeli hak membina pesawat itu di Malaysia dari syarikat pengeluarannya di Amerika Syarikat, Lake Aircraft.

"Perjanjian antara kita dengan Lake Aircraft akan diadakan Sabtu ini, dengan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Bernama pada pameran LIMA 01, di sini hari ini.

Menurut Azlan, syarikatnya telah melantik Goldfields Sdn Bhd untuk memasarkan pesawat amfibia bagi rantau Asia.

Katanya, kilang itu akan didirikan di kawasan perindustrian Subang-Sungai Buloh dan pesawat pertama dijangka berjaya dikeluarkan selepas sembilan bulan ia beroperasi.

Kilang yang dibina dengan kos RM30 juta itu akan membolehkan syarikat membina pesawat amfibia enam tempat duduk itu dari versi Seawolf, Sea Fury dan Renegade.

Pesawat yang berharga di antara USD750,000 dan USD1.5 juta itu boleh digunakan oleh tentera dan awam, serta agensi-agensi seperti bomba dan penyelamat, mencari dan menyelamatkan, alam sekitar, pelancongan dan lain lagi.

Sehingga kini, katanya, lebih 1500 pesawat yang sama digunakan di seluruh dunia termasuk oleh Tentera Amerika Syarikat serta dua pesawat yang turut digunakan oleh Sultan Johor.

Mengenai proses pembuatan pesawat amfibia itu, Azlan berkata, kilang di Malaysia akan hanya terbabit dalam pembinaan rangka pesawat dan alat pendaratan, manakala avionik, enjin serta kipas akan dibuat oleh syarikat pengeluar.

Katanya, usaha untuk membina pesawat amfibia di Malaysia telah dimulakan sejak 1996 dengan bantuan Kumpulan Industri Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Azlan berkata, Dr Mahathir pernah menaiki pesawat itu pada 1997 dan memuji kemampuannya.

-- BERNAMA

MHI ZB